

→ SASTERA & BUDAYA

Hikayat 1001 malam pengaruhi sastra Melayu, filem Malaysia

➔ Karya agung dari tradisi Parsi, Arab
perkayakan kesusasteraan dan kesenian kita

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

► Bangi

Hikayat 1001 Malam atau *Alf Laylah Wa Laylah* adalah karya agung yang bukan sahaja membawa pengaruh kuat kepada pembaca Arab dan Barat, malah auranya turut kuat dirasai sehingga ke Tanah Melayu.

Sejarah membuktikan hubungan persuratan Melayu dengan bahasa Arab dan Islam cukup akrab, manakala di Asia Timur pula, kesusasteraan memainkan peranan penting dalam memperkaya sastra tradisional berjiwa Islam.

Di sebalik hubungan itu, *Alf Laylah Wa Laylah* sebenarnya lebih awal dibawa masuk ke dalam budaya Melayu melalui terjemahan daripada Barat dan bukannya terjemahan Arab seperti disorot pada Seminar Antarabangsa Penyelidikan Alam Melayu di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini.

Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Dr Suhaila Zailani @ Ahmad, berkata *Alf Laylah Wa Laylah* dipopularkan dan diterjemah ke bahasa Melayu bersumberkan versi bahasa Inggeris yang turut diakui oleh Pendeta Zaaba.

"Menurut Zaaba, sebelum 1879, terdapat satu versi yang diterbitkan tanpa nama penterjemahnya berjudul *Hikayat Alf Laila Au Laila: Hikayat Seribu Satu Malam*.

"Berdasarkan sistem ejaan digunakan, terjemahan itu didapati tidak dirujuk daripada versi bahasa Arab, tetapi kemungkinan besar daripada versi bahasa Inggeris," katanya ketika membicarakan makalah *Pengaruh Hikayat Alf Laylah Wa Laylah di Alam Melayu*.

Menurut Suhaila, meskipun *Hikayat Alf Laylah Wa Laylah* dibawa ke alam Melayu melalui rujukannya pada terjemahan versi bahasa Inggeris, terjemahan hikayat itu daripada bahasa Arab diterbitkan di Pulau Pinang pada 1907.

Zaaba turut menterjemah manuskrip *Alf Laylah Wa Laylah* edisi Mesir Bulaq versi Muhammad



Budaya Islam yang terdapat dalam hikayat ini seperti kisah Khalifah Harun al-Rasyid banyak memberi pengajaran kepada alam Melayu"

Suhaila Zailani @ Ahmad,
Pensyarah Kanan Jabatan
Pengajian Arab dan
Tamadun Islam



Beberapa buku turut dijual di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi, baru-baru ini.

Qattah al-Adwy (1935) yang dinamakan *Hikayat Seribu Satu Malam* bertarikh 12 Disember 1929.

Asal usul hikayat diragui

Suhaila turut menyentuh salah faham asal usul hikayat itu di sebalik sumbangan besar persuratan Arab kepada dunia luar apabila *Hikayat Alf Laylah Wa Laylah* diterjemahkan ke dalam hampir semua bahasa utama dunia dan dikaji ramai sarjana.

"Mengikut kajian sejarah, *Alf Laylah Wa Laylah* bukan berasal dari dunia Arab tetapi versinya dalam tradisi Arab yang lebih terkenal dan menjadi sumber rujukan utama, menyebabkan hakikat sebenarnya yang berasal dari Parsi menjadi tenggelam.

"Dalam bahasa Parsi, hikayat ini dinamakan *Hazur Afsana* bermaksud 'seribu dongeng' tetapi tiada catatan mengenai penulis atau penterjemah hikayat ini ke bahasa Arab pada zaman Kerajaan Abbasiyah," katanya.

Suhaila berkata, *Alf Laylah Wa Laylah* diterima baik dalam budaya Melayu bukan hanya disebabkan

unsur magik dan fantasi sebaliknya ciri universal dan semula jadinya yang menyebabkan ia tidak menjemukan pembaca walaupun dibaca berulang kali.

"Budaya Islam yang terdapat dalam hikayat ini seperti kisah Khalifah Harun al-Rasyid banyak memberi pengajaran," katanya.

Penerimaan ini juga menyaksikan *Hikayat Alf Laylah Wa Laylah* diadaptasi dalam bentuk animasi, drama dan filem, termasuk oleh seniman agung, Tan Sri P Ramlee melalui filem *Abu Hassan Perchuri* pada 1955; Ali Baba Bujang Lapok (1961) dan Sabarudin Tukang Kasut (1966).

"Filem ini adaptasi kisah dalam *Hikayat Alf Laylah Wa Laylah* yang menonjolkan budaya masyarakat Arab daripada cara mereka berpakaian dan isu penjualan hamba hinggalah kepada penggunaan nama Arab bagi beberapa watak.

"Terdapat juga filem lain menonjolkan pelbagai elemen budaya yang dikorupsi bersama antara budaya Melayu dan Arab disebabkan pengaruh *Hikayat Alf Laylah Wa Laylah*," katanya.